

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 (40)

10 Jun 2020
18 Syawal 1441

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 36/2020

PANDUAN BEKERJA STAF DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

Kerajaan telah memutuskan supaya Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berakhir pada 9 Jun 2020 dan digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan atau PKPP mulai 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020.

2. Sehubungan dengan itu, Pengurusan Universiti telah bersetuju mulai 10 Jun 2020, minimum 75% staf (staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana, Akademik dan Pentadbir Akademik) akan mula bekerja sepenuhnya di pejabat manakala maksimum 25% staf boleh dibenarkan untuk memilih waktu bekerja terhad sesi pagi atau petang, atau hadir ke pejabat secara giliran atau bekerja dari rumah dengan justifikasi yang kukuh. Staf perlu mengisi Borang Permohonan Bekerja Dari Rumah dan kelulusan adalah tertakluk kepada Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing. Peratus bilangan kehadiran staf ke pejabat akan dinaikkan secara berperingkat sehingga 1 Ogos 2020 seperti berikut:

Bil	Tempoh	Peratus Kehadiran
1	10 – 30 Jun 2020	Minimum 75%
2	1 – 31 Julai 2020	Minimum 90%
3	Mulai 1 Ogos 2020	100%

3. Waktu bekerja di pejabat adalah berdasarkan waktu bekerja berperingkat yang telah dipilih oleh staf atau mengikut waktu bekerja terhad yang diluluskan kepada staf. Walau bagaimanapun, waktu rehat hendaklah dilaksanakan secara giliran selama satu (1) jam setiap sesi di antara jam 12.00 tengahari hingga jam 3.00 petang. Langkah ini adalah supaya staf tidak bergerak secara serentak dan beramai-ramai pada satu-satu masa untuk menggunakan ruang solat, tempat makan atau lain-lain ruang umum.

4. Selaras dengan peraturan terbaharu ini, keperluan bagi mengisi Borang Pergerakan Staf yang diisi melalui Portal MyUTM untuk kehadiran ke pejabat adalah **dibatalkan**. Semua staf yang hadir ke pejabat diminta merekod kehadiran menggunakan sistem iHadir manakala staf yang diluluskan untuk bekerja dari rumah perlu merekod kehadiran menggunakan aplikasi UTMSmart.

5. Semua staf diminta merujuk kepada Panduan Bekerja Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bagi memastikan operasi Universiti dapat dimulakan kembali dengan keadaan selamat, terkawal dan berkesan. Panduan tersebut boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Pendaftar di <https://registrar.utm.my/panduanpkp/>.


6. Dengan pemakaian Panduan Bekerja Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang baharu ini, Pekeliling Pentadbiran Bil. 31/2020 berkaitan Pemakluman Pemakaian Panduan Bekerja Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi Staf Universiti Teknologi Malaysia adalah terbatal.

7. Semua warga Universiti diminta untuk terus membudayakan corak kehidupan mengikut kebiasaan baharu dan terus memastikan langkah keselamatan seperti penjarakan sosial, kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer* diteruskan sepanjang tempoh PKPP ini.

Sekian, selamat kembali bertugas dengan norma baharu.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah